



UniMAP terima Anugerah THE BIZZ 2013

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah dipilih oleh World Confederation of Businesses (WORLDCOB) untuk menerima anugerah Perniagaan paling berprestij iaitu THE BIZZ 2013. Anugerah ini disampaikan kepada Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin pada 29 September 2013 lalu pada Majlis Gala di Atlantis The Palm, Dubai, Emeriah Arab Bersatu (UAE).

Anugerah ini dapat membantu meneruskan usaha UniMAP untuk membangun sebagai sebuah entiti akademik, meningkatkan hubungan komersial dan menjana lebih banyak peluang perniagaan serta meningkatkan imej korporatnya.

Sebagai pengiktirafan kepada sumbangannya, Datuk Kamarudin turut dianugerahkan dua anugerah iaitu World Business Leader dan World Leader Business Person. Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Jeneral Konsulat Malaysia di UAE, Dato' Ahmad Fadhil Shamsuddin.